

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 8.6.2015**

**SOALAN :**

Tuan Anyi Ngau [ Baram ] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah kejayaan program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) di dalam meningkatkan kadar literasi serta mengurangkan masalah keciciran di kalangan pelajar dari suku kaum Penan di Baram.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) sememangnya telah berjaya membantu mengurangkan kadar keciciran serta meningkatkan peratus kehadiran murid ke sekolah. Keberkesanan program ini dapat dibuktikan di sekolah-sekolah yang melaksanakan K9, seperti :

- i. SK Bandar Dua, Paloh Hinai, Pekan, Pahang
- ii. SK Long Bedian, Baram, Sarawak
- iii. SK Batau, Kuala Lipis, Pahang
- iv. SK Pekan Pensiangan, Sabah
- v. SK Pos Kemar, Gerik, Perak

- vi. SK Banun, Gerik, Perak
- vii. SK (Asli) Bukit Kemandol, Kuala Langat, Selangor

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi SK Long Bedian (K9) Baram, purata kehadiran murid pada tahun 2014 ialah 93.1 peratus. Manakala rekod tiga (3) bulan pertama tahun 2015, menunjukkan kadar kehadiran adalah 96.0 peratus. Kadar literasi dan numerasi juga meningkat dalam kalangan murid di sekolah tersebut. Berdasarkan Saringan 1 LINUS 2.0, 2015 bagi murid Tahun 3, seramai 39 murid daripada 46 murid atau 84.78 peratus menguasai Bahasa Melayu; 42 murid daripada 46 murid atau 91.30 peratus menguasai numerasi, dan 29 murid daripada 46 murid atau 63.04 peratus menguasai LINUS Bahasa Inggeris.

RJM65